

PERANAN PERKAMPUNGAN WARISAN BUDAYA KAMPUNG TELUK KEPAYANG DALAM PEMARTABATAN BUDAYA MELAYU

(The Role of Kampung Teluk Kepayang as Cultural Heritage in Elevating Malay Culture)

Nur Syaidatul Athirah Ibrahim¹
syaidatulathirah09@gmail.com

Mohamad Rozi Kasim²
mrozi@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.^{1 & 2}

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Nur Syaidatul Athirah Ibrahim & Mohd Rozi Kasim. (2024). Peranan Perkampungan Warisan Budaya Kampung Teluk Kepayang dalam pemartabatan budaya Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17(2), 165–188. [https://doi.org/10.37052/jm.17\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jm.17(2)no1)

| | | | | | | | |
|-----------------------|----------|---------------------|-----------|----------------------|-----------|---|-----------|
| Peroleh: Received: | 7/2/2024 | Semakan: Revised | 27/5/2024 | Terima: Accepted: | 17/7/2024 | Terbit dalam talian: Published online: | 24/7/2024 |
|-----------------------|----------|---------------------|-----------|----------------------|-----------|---|-----------|

Abstrak

Dalam usaha mendalami budaya bangsa Melayu, kesinambungan penerusan warisan dan budaya oleh generasi pelapis dapat mengangkat dan melestarikan tradisi kebudayaan Melayu kepada masyarakat terutamanya generasi muda. Pemuliharaan budaya Melayu dalam masyarakat perlu diperkasa bagi mengelakkan budaya Melayu dipinggirkan dan berada dalam keadaan yang terancam. Perkampungan Warisan Budaya Kampung Teluk Kepayang, Bota Kiri, Perak mempunyai keunikan yang tersendiri dan berbeza dengan perkampungan yang lain di Malaysia, di mana kampung ini dibentuk hasil inisiatif untuk memartabatkan warisan budaya masyarakat Perak. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan perkampungan ini dalam mengangkat budaya Melayu. Kajian ini telah menggunakan program yang dicadangkan oleh Pemetaan Budaya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

(JKKN) bagi pembahagian sub budaya dan menganalisis data mengenai aktiviti kebudayaan tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa aktiviti kebudayaan dan tradisi yang masih diamalkan di kampung tersebut membantu menghidupkan semula budaya Melayu dalam kalangan masyarakat, khususnya generasi muda pada masa kini, dan sedikit sebanyak merancakkan industri pelancongan di negeri Perak. Kesimpulannya, penulisan ini diharapkan mampu memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada masyarakat mengenai pemertabatan budaya Melayu melalui kewujudan Kampung Teluk Kepayang, Bota Kiri Perak malah memperkasakan budaya Melayu di Malaysia.

Kata kunci: Budaya, Melayu, Perak, seni persembahan, tradisional, tradisi

Abstract

In an effort to deepen the culture of the Malay people, the continuation of heritage and culture by the next generation can lift and preserve Malay cultural traditions in the community, especially in the younger generation. The preservation of Malay culture in society needs to be strengthened to prevent it from being marginalized and under threat. The cultural heritage village, Kampung Teluk Ketapang in Bota Kiri, Perak, has its own uniqueness and is different from other villages in Malaysia, where this village was formed as an initiative to dignify the cultural heritage of the Perak community. Therefore, the objective of this study is to examine the role of this village in uplifting Malay culture. This study has used the program proposed by the Cultural Mapping of the National Department of Culture and Arts (JKKN) for the sub-culture section and analysed the data on the cultural activities. The results of the study found that the cultural and traditional activities that are still practiced in the said village have helped to revive Malay culture in the community, especially in the current young generation, and to some extent have boosted the tourism industry in Perak. In conclusion, this writing is expected to be able to provide awareness and knowledge to the community about the dignity of Malay culture through the existence of Kampung Teluk Kepayang, Bota Kiri, Perak, and even empower Malay culture in Malaysia.

Keywords: Culture, Malay, Perak, performing arts, traditional, tradition

PENDAHULUAN

Negeri Perak Darul Ridzuan merupakan negeri keempat yang terbesar di Malaysia, selepas Sarawak, Sabah dan Pahang. Ketua dan pemerintah yang utama di negeri Perak ialah Sultan. Menurut A. Halim Nasir, (dalam Nur Habibah C.H dan Rahim Aman, 2020:217), negeri Perak mempunyai keluasan kira-kira 8,110 batu persegi dan panjangnya pula dari utara ke selatan ialah 155.5 batu persegi dan lebarnya pula dari timur ke barat kira-kira 96 batu. Menurut Norsuhaila Ibrahim (2021), penduduk di negeri Perak ini menggunakan pelbagai dialek yang terbahagi kepada lima jenis,

iaitu dialek Utara, Patani, Lembah Sungai Perak, Pulau Bali di Indonesia dan Selatan Semenanjung. Penulisan ini memfokuskan bahagian Perak Tengah, iaitu kawasan Bota. Kawasan Bota terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bota Kiri dan Bota Kanan yang mempunyai cerita unik dan menarik tentang latar belakang namanya. Nama “kiri” dan “kanan” di Bota diletakkan untuk membezakan kawasan yang dipisahkan oleh Sungai Perak (Abdul Halim Abdullah, 2024)

Kewujudan sebuah perkampungan di Kampung Teluk Kepayang, Bota Kiri, Perak yang masih memartabatkan budaya Melayu, iaitu Pulau Misa Melayu menjadi daya penarik untuk menyebarluaskan pengetahuan tentang kebudayaan Melayu dan secara tidak langsung dapat membantu merancakkan industri pelancongan di negeri Perak (Bernama, 2018). Pulau Misa Melayu ini berada di atas pulau dan sering menjadi lokasi pertemuan bagi sebarang penganjuran aktiviti kebudayaan (Bernama, 2018). Tujuan tempat ini diwujudkan untuk menghidupkan kembali budaya Melayu dalam kalangan masyarakat terutamanya kepada generasi akan datang supaya tidak lapuk dek zaman (Bernama, 2018). Pelbagai aktiviti yang berunsurkan budaya Melayu dijalankan oleh tempat ini bagi menarik masyarakat serta menghidupkan suasana tempat tersebut menjadi lebih meriah. Rajah 1 menunjukkan peta Kampung Teluk Kepayang, Bota Kiri, Perak dan Pulau Misa Melayu.



Rajah 1 Peta Kampung Teluk Kepayang, Bota Kiri, Perak dan Pulau Misa Melayu. Sumber: Dipetik daripada *Google Maps*.

Pemuliharaan Kebudayaan Masyarakat Melayu

Fairuzah Basri et al. (2019:1) menyatakan bahawa budaya Melayu ialah keseluruhan cara hidup masyarakat Melayu yang diwarisi sejak beberapa dekad lalu dan berjaya menampilkan identiti tamadun Melayu. Pemuliharaan kebudayaan Melayu dalam masyarakat perlu diperkasa dan disebarluaskan bagi mengelakkan budaya Melayu dipinggirkan dan berada dalam keadaan yang terancam oleh globalisasi budaya. Mengambil kira aspek ini, daerah Perak Tengah mempunyai kelebihan sebagai kawasan pemuliharaan kebudayaan masyarakat Melayu kerana di sinilah bermulanya sejarah kesultanan Melayu Perak dengan makam-makam lama serta tinggalan sejarah berkaitan (Bernama, 2018), termasuklah Pulau Misa Melayu yang dilihat mempunyai peranan penting bagi mengangkat budaya Melayu dalam kalangan masyarakat muda melalui aspek pakaian, amalan budaya Melayu dan sebagainya. Selain itu, Pulau Misa Melayu ini juga merupakan tempat yang sesuai untuk dijadikan contoh dan perlu dikekalkan untuk memulihara dan memperkasa budaya Melayu. Oleh itu, kajian ini wajar dijalankan bagi melihat peranan Pulau Misa Melayu secara lebih mendalam.

Menurut Yang Dipertua Persatuan Kebudayaan dan Muzik Melayu Nusantara Malaysia (Dendang Anak) Mior Yazid Abdul Manaf, kawasan ini bukan untuk tujuan individu, tetapi merupakan tempat untuk memelihara kebudayaan bahasa Melayu yang semakin terhakis (Bernama, 2018). Pulau Misa Melayu ini masih mengekalkan budaya Melayu yang memberikan peluang kepada pengunjung untuk merasai suasana kehidupan orang Melayu zaman dahulu melalui cara pemakaian, suasana kampung, dan terutamanya melalui aspek seni persembahan, iaitu Malam Melayu Sejati yang menjadi tarikan utama pengunjung ke sini. Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan untuk mengkaji peranan Perkampungan Warisan Budaya Kampung Teluk Kepayang dalam mengangkat budaya Melayu.

KAJIAN LEPAS

Mohd Azam Sulong et al. (2020) mengkaji muzik tradisi tari rakyat negeri Perak dari aspek jenis, bentuk dan fungsi dalam muzik tradisi negeri Perak. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dari sudut etnomuzikologi. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat tiga jenis tarian yang masih dipersembahkan di negeri Perak, iaitu Tarian Dabus, Tarian Bubu dan Tarian Lotah. Pengkaji menghuraikan ketiga-tiga tarian tersebut dari segi sejarah, seni kata lagu tarian tersebut, persembahan tarian dan analisis muzik bagi melihat persamaan dan perbezaan antara ketiga-tiga tarian tersebut. Hasil penyelidikan ini memberikan maklumat tentang muzik tarian yang masih diamalkan dan dipersembahkan di negeri Perak, malah memberikan

manfaat kepada generasi muda untuk terus melestarikan seni persembahan di Malaysia.

Selain itu, Mohd Rosli Saludin (2015) yang mengupas tentang kepelbagaian dan keunikan adat Negeri Sembilan menemukan bahawa Negeri Sembilan mempunyai golongan yang pelbagai dan unik, iaitu terdiri dari golongan Orang Asal, Orang Asli, Orang Minangkabau, Orang Siak, Orang Kampar, Orang Rawo, Orang Mandailing, Orang Champa, Orang Jambi, Orang Arab, Orang Parsi dan Orang Bangkahulu. Dapatan ini bertujuan untuk membentuk identiti Negeri Sembilan yang sebenar dan bukan berteraskan golongan Minangkabau sahaja. Kajian ini memberikan manfaat dalam mengangkat adat resam yang kian dilupakan oleh masyarakat pada masa kini dan memberikan kesedaran kepada masyarakat pada masa kini mengenai betapa berharganya keunikan budaya Melayu.

Seterusnya, Nur Qhairun Nabiha Hussin dan Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2022) membincangkan mengenai pengekalan budaya Melayu dalam kalangan masyarakat Melayu di Kampung Padang Balang, Gombak. Hasil kajian mendapati bahawa penduduk masyarakat Melayu di Kampung Padang Balang dapat mempertahankan budaya Melayu yang diwarisi walaupun berlaku perubahan masa, kemodenan dan teknologi. Terdapat banyak usaha yang dilakukan untuk menguatkan lagi pemeliharaan warisan Melayu di kampung ini, termasuklah mewujudkan persatuan bagi menggerakkan aktiviti sosial, sukan, hiburan mahupun keagamaan. Oleh itu, kajian lepas ini dapat membantu dalam proses pemerolehan data kajian peranan perkampungan warisan budaya Kampung Teluk Kepayang dalam mengangkat budaya Melayu bagi melihat sejauh mana aktiviti yang dilaksanakan di perkampungan tersebut mampu mengangkat dan melestarikan budaya Melayu di sesuatu kawasan atau dalam masyarakat.

Akhir sekali, hasil dapatan Siti Aisah dan Mawi Khusni Albar (2020:3–4) yang mengkaji tentang budaya Melayu yang dibawa oleh mahasiswi Pattani, Thailand Selatan di IAIN Purwokerto mendapati bahawa mahasiswa Pattani menerapkan pelbagai elemen budaya Melayu, termasuklah dari aspek berpakaian, budaya pergaulan, aktiviti yang dijalankan dan sebagainya.

Kesimpulannya, walaupun terdapat banyak kajian tentang aplikasi dan pemuliharaan budaya dan warisan Melayu dalam kalangan masyarakat, namun carian penulis mendapati bahawa kajian tentang Pulau Misa Melayu tidak pernah dijadikan sebagai kajian ilmiah. Oleh itu, terdapat kelompangan yang perlu diisi dalam mengkaji peranan perkampungan ini dalam memartabatkan budaya dan warisan Melayu.

METODOLOGI

Pendekatan Kualitatif


Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana terdapat dua kaedah pengumpulan data, iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Kaedah kepustakaan ini melibatkan bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antaranya adalah dengan merujuk laman sesawang rasmi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) bagi mengumpul data dan bukti yang sahih mengenai kajian ini. Kaedah lapangan pula dijalankan melalui pemerhatian secara langsung di mana penyelidik melawat tempat tersebut dan memerhati beberapa aktiviti kebudayaan, seterusnya menemu bual informan secara bersemuka dan secara dalam talian. Soalan temu bual yang akan ditanyakan kepada informan memfokuskan aktiviti kebudayaan yang terdapat di Perkampungan Pulau Misa Melayu, Bota Kiri, Perak bagi memenuhi objektif kajian. Soalan temu bual berbentuk bebas dijalankan terhadap informan ahli jawatankuasa perkampungan tersebut bagi mendapatkan data tersebut.

Pemetaan Budaya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)

Kajian ini menghuraikan aktiviti budaya di kampung tersebut menggunakan Pemetaan Budaya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Pemetaan Budaya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara ini diperoleh daripada laman sesawang rasmi Pemetaan Budaya JKKN. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (2023) menyatakan bahawa Pemetaan Budaya (*Cultural Mapping*) merekod, mendokumentasi, serta melakar landskap budaya dari aspek seni persembahan, makanan tradisional, permainan tradisional, adat resam, prasarana seni, busana tradisional, serta tokoh seni dan budaya tempatan. Rajah 2 merupakan penjelasan kategori pemetaan budaya di laman sesawang rasmi Pemetaan Budaya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Namun bagi tujuan kajian ini, hanya enam elemen yang dibincangkan, iaitu seni persembahan, makanan tradisional, adat resam, prasarana seni, busana tradisional dan permainan tradisional.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Aktiviti kebudayaan yang terdapat di Pulau Misa Melayu, Bota Kiri ini akan diperincikan mengikut Program Pemetaan Budaya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) yang mempunyai tujuh elemen, iaitu seni persembahan, makanan tradisional, adat resam, prasarana seni, busana tradisional, permainan tradisional dan tokoh seni dan budaya tempatan, . Namun, tiada elemen tokoh seni dan budaya tempatan di Pulau Misa Melayu. Oleh itu, hanya enam elemen sahaja



Rajah 2 Pemetaan Budaya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Sumber: Dipetik daripada laman sesawang rasmi Pemetaan Budaya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

yang akan dihuraikan, iaitu seni persembahan, makanan tradisional, adat resam, prasarana seni, busana tradisional dan permainan tradisional. Subtajuk yang berikut membincangkan aktiviti kebudayaan di Pulau Misa Melayu, Bota Kiri, Perak yang telah diperincikan mengikut elemen tersebut.

Seni Persembahan

Seni persembahan di Pulau Misa Melayu, Bota Kiri Perak ini dijalankan oleh kumpulan Dendang Anak Perak (Rajah 3) yang diketuai oleh Farul Hisham Abdul Halim yang merupakan penasihat di Pulau Misa Melayu, Bota Kiri, Perak serta dikenali sebagai Paduka Biduanda. Kumpulan ini memainkan peranan yang penting dalam memastikan seni persembahan di perkampungan tersebut berjalan dengan lancar. Kumpulan tersebut akan membuat persembahan kebudayaan pada setiap malam Sabtu yang dikenali sebagai Malam Melayu Sejati. Malah, kumpulan ini juga mengadakan persembahan di majlis keramaian yang berlangsung di Pulau Misa Melayu, termasuklah kenduri perkahwinan dan persembahan yang dianjurkan oleh komuniti luar dan sebagainya.

Lakonan Istiadat Menghadap Raja

Namun begitu, sebelum kumpulan Dendang Anak Perak memulakan persembahan kebudayaan pada Malam Melayu Sejati, terdapat satu keunikan yang dipersembahkan oleh masyarakat di Pulau Misa Melayu ini, iaitu lakonan semula istiadat menghadap raja (Rajah 4). Masyarakat yang terlibat dalam persembahan kebudayaan tersebut akan melakonkan semula istiadat menghadap raja dan apabila



Rajah 3 Ahli kumpulan Dendang Anak Perak sedang melakukan persembahan.
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.

selesai barulah persembahan kebudayaan akan bermula. Aktiviti melakonkan istiadat menghadap raja ini bertujuan untuk memperkenalkan semula dan memberi pendedahan kepada masyarakat yang hadir ke persembahan kebudayaan Malam Melayu Sejati tentang istiadat menghadap raja.

Lagu Berunsur Nasihat

Setelah selesai melakonkan istiadat menghadap raja, persembahan kebudayaan akan bermula. Setiap persembahan yang disampaikan mempunyai mesej yang tersendiri. Terdapat banyak lagu yang dipersembahkan oleh Kumpulan Dendang Anak Perak. Lagu-lagu yang dipersembahkan oleh kumpulan tersebut adalah dengan genre muzik tradisional Melayu dan irama Melayu sejati seperti ghazal, inang, joget, dan



Rajah 4 Lakonan semula istiadat masuk menghadap raja.
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.

asli. Kebanyakan lagu dan lirik yang dimainkan pada Malam Melayu Sejati ini hasil ciptaan sendiri. Namun, ada juga lagu yang dimainkan daripada lagu rakyat negeri Perak.

Nyanyian dan lirik yang dipersembahkan oleh kumpulan tersebut kebanyakannya berbentuk nasihat dan mempunyai makna yang tersendiri. Tambahan pula, nyanyian yang disampaikan oleh kumpulan tersebut mempunyai lirik yang memuji Allah SWT serta menyeru masyarakat untuk membuat kebaikan dan menerangkan tentang kepentingan budaya Melayu yang perlu dipupuk dalam diri. Lirik yang dipersembahkan juga menaikkan semangat dan memberikan motivasi kepada pendengar yang mendengar liriknya. Berikut merupakan lirik Pulau Misa (Abang Ku, t.t.) yang liriknya mendorong untuk melakukan kebaikan:

*Pulau Misa tempat kite bergabung
Di sini kite berhimpun berkunjung
Menyusuli majlis yang pernah berlangsung
Hidup semangat tolong menolong*

*Kite berhimpun menyatukan akidah
Kite berhimpun menyatukan jisbah
Kite berhimpun menyatukan arah
Kite berhimpun menyatu akhirah*

*Mari kite bersatu
Mari kite menyatu
Marilah lahirkan satu
Satu pimpinan satu tujuan*

*Kite mencari satu pimpinan
Kite mencari satu jalan
Kite mencari satu penyatuan
Penyatuan keredhaan Tuhan...*

Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.

Terdapat juga lagu lain yang dipersembahkan selain lagu Pulau Misa seperti *Cempaka Sari, Syair Munajat, Panggilan Gunung, Usul Bangsa, Sekapur Sirih, Lemak Manis, Wajah, Janji Malam Keramat, Kecintaan, Puja Puji, Tak Melayu Hilang di Dunia, Marhaban Bumi Perak* dan *Melayu Sejati*.

Alat Muzik Tradisional

Seterusnya, kumpulan Dendang Anak Perak ini menggunakan alat muzik bagi menghasilkan genre muzik tradisional Melayu dan berirama Melayu sejati untuk melakukan persembahan kebudayaan Malam Melayu Sejati. Penggunaan alat muzik ini sangat penting bagi menghasilkan alunan muzik dan menghidupkan lirik yang ingin disampaikan dengan lebih menarik. Kumpulan ini menggunakan campuran alat muzik, iaitu tradisional dan moden. Setiap ahli kumpulan tersebut mempunyai peranan yang tersendiri dalam memainkan alat muzik mengikut kemahiran masing-masing. Antara alat muzik yang digunakan termasuklah rebana Melayu, jidor (Rajah 5), gong, darbuka (Rajah 6), seruling, komping, gendang dan gitar. Selain itu, kumpulan muzik di Pulau Misa Melayu ini juga turut mengadakan bengkel pengenalan asas latihan alat muzik tradisional Melayu kepada masyarakat yang ingin belajar tentang alat muzik. Bengkel ini memberikan taklimat berkaitan dengan pengenalan asas irama, rentak alunan muzik dan cara bermain alatan muzik tradisional dengan betul.



Rajah 5 Jidor.
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.



Rajah 6 Darbuka.
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.

Seni Tarian Tradisional Melayu

Selain persembahan lagu dan alat muzik, perkampungan Pulau Misa Melayu ini juga membawakan persembahan seni tarian tradisional masyarakat Melayu bagi menambah dan menyemarakkan lagi suasana persembahan kebudayaan tersebut (Rajah 7). Tarian yang dipersembahkan bergantung kepada lagu yang dimainkan oleh kumpulan Dendang Anak Perak. Lagu yang dimainkan mempunyai tujuh rentak, iaitu inang, zapin, joget, masri, rambok, canggong, asli dan bayon. Lenggok tarian Melayu yang dipersembahkan oleh penari mempamerkan sifat lemah lembut dan sopan santun yang dititikberatkan oleh budaya Melayu. Antara tarian yang terkenal di Pulau Misa Melayu ialah tarian zapin. Tarian zapin ini merupakan tarian yang menjadi tarikan di istana dan ditarikan dengan cukup sopan, mempunyai kehalusan yang tinggi dan zapin juga merupakan khazanah tarian rumpun Melayu yang mendapat pengaruh Arab. Tarian tradisional ini bersifat mendidik dan sekali gus menghibur, digunakan sebagai dakwah islamiah melalui syair lagu-lagu zapin yang didendangkan (Farah Nazihah Zinurin, 2023:1)

Perkara yang unik mengenai penari di Pulau Misa Melayu ini ialah anggota penarinya masih muda dalam lingkungan umur sembilan tahun ke atas. Walaupun begitu, penari muda ini mahir menguasai tarian dan melakukan persembahan dengan baik sehingga menjadi pengajar kepada pelajar Kolej Profesional Mara, Seri Iskandar. Selain tarian zapin, antara jenis tarian yang dipersembahkan termasuklah tarian Zapin Melayu, tarian Inang Melayu, tarian Asli Melayu, tarian Joget Melayu, tarian Tempurung dan tarian Dabus Negeri Perak. Terdapat juga guru berpengalaman dari Perkampungan Warisan Pulau Misa Melayu ini yang menganjurkan bengkel asas tarian bagi masyarakat yang ingin berlatih dan menguasai tarian Melayu. Bengkel tarian ini penting buat masyarakat bagi memberikan pendedahan tentang tarian Melayu yang semakin dilupakan oleh generasi kini.

Persembahan kebudayaan tersebut akan dilaksanakan di Balairung Seri dan suasana pada persembahan kebudayaan Malam Melayu Sejati ini seperti berada dalam zaman kesultanan Melayu. Hal ini demikian kerana semua yang terlibat dengan persembahan pada malam itu memakai busana tradisional Melayu serta bertanjak dan tempat melakukan persembahan tersebut juga memainkan peranan dari segi reka bentuk yang ditampilkan. Selain itu, setiap individu yang berkunjung juga diwajibkan memakai busana tradisional bagi menghidupkan suasana. Persembahan pada malam tersebut berbentuk kesenian tradisional yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Antara persembahan yang dijalankan ialah tarian Melayu, seni pencak silat Melayu dan persembahan muzik daripada kumpulan muzik Dendang Anak Perak.

Di samping itu, perkampungan Pulau Misa Melayu ini sering dijadikan platform untuk persembahan teater hasil yang dijalankan oleh komuniti luar di Pulau Misa Melayu. Sebagai contoh, pementasan teater syair *Redap Duka Pulau Seychelles* hasil kerjasama antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Utara, Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Muallim, Perkampungan Warisan Budaya Pulau Misa Melayu dengan Anjung Seni Nilakandi yang mengisahkan tentang sejarah negeri Perak, selain kumpulan teater syair budaya Muallim yang juga pernah melakukan persembahan di Pulau Misa Melayu, Bota Kiri, Perak.

Berdasarkan pelbagai elemen seni persembahan yang diterangkan, peranan Perkampungan Misa Melayu dalam mengangkat martabat budaya dan warisan Melayu yang kian pupus dapat dilihat secara tidak langsung melalui persembahan lakonan istiadat menghadap raja, penerapan lagu berunsur nasihat, penggunaan alat muzik tradisional dan persembahan seni tarian tradisional Melayu dan sebagai platform untuk persembahan seni teater oleh komuniti luar.



Rajah 7 Penari sedang melakukan persembahan semasa Malam Melayu Sejati berlangsung.
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.

Makanan Tradisional

Menurut Jabatan Warisan Negara, warisan dalam budaya merangkumi makanan, adat dan permainan tradisi yang terhasil dari asimilasi pelbagai kaum masyarakat Malaysia (Jabatan Warisan Negara, 2024). Makanan warisan sangat penting dalam sesuatu budaya kerana melalui makanan, identiti budaya dan keunikan sesuatu etnik dapat ditonjolkan. Seseorang dapat mendalami budaya, masa lalu dan kewarganegaraannya hanya dengan makanan atau berkongsi makanan (Barthes, 2008). Secara umumnya, makanan tradisional merupakan makanan yang sudah menjadi amalan dan sehati dengan kehidupan sesebuah masyarakat (Ruhaizan Sulaiman & Ilham M.Salleh, 2010). Pakar Makanan Warisan Negara, Prof. Madya Dr. Shahrin Karim (2019) dalam kajiannya menyatakan bahawa punca kepupusan makanan tradisional orang Melayu adalah disebabkan oleh beberapa faktor, seperti tiada pendedahan awal, kewujudan makanan baharu/moden/tular, sifat bakhil enggan berkongsi resipi keluarga dan cara penyediaan makanan yang sukar dan rumit.

Terdapat banyak makanan tradisional yang boleh ditemukan di Pulau Misa Melayu, Bota Kiri, Perak seperti laksa, mi kari, ubi kayu rebus sambal ikan bilis, gulai Lemak Pisang, baulu, Bubur Anak Lebah, pekasam ikan sungai dan gulai asam pedas ikan lampam. Namun, makanan yang sering menjadi daya tarikan masyarakat yang berkunjung ke perkampungan Pulau Misa Melayu ialah ubi rebus sambal ikan bilis.

Selain itu, makanan tradisional yang terkenal dalam kalangan masyarakat di perkampungan Pulau Misa Melayu ialah rendang tok. Makanan ini selalu dihidangkan oleh masyarakat dalam majlis keramaian dan dihidangkan dalam talam. Rendang tok merupakan makanan tradisi Perak dan terkenal dalam masyarakat Melayu, terutamanya di Lembah Sungai Perak. Hidangan rendang tok ini merupakan hidangan turun temurun sejak zaman dahulu lagi kerana cara masakannya menggunakan rempah ratus dan bahan tradisional yang rumit dan memerlukan kepakaran serta pengalaman dalam memasak hidangan ini.

Penduduk di Pulau Misa Melayu mengamalkan makan berhidang dalam talam (Rajah 8) apabila berlangsungnya kenduri, majlis perayaan, jamuan dan sebagainya. Seperti sedia maklum, makan berhidang merupakan salah satu tradisi masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Penduduk Pulau Misa Melayu, Bota Kiri, Perak ini menjadikan makan berhidang sebagai satu daripada tradisi yang perlu diamalkan sewaktu makan bersama-sama. Pada zaman dahulu, makan berhidang ini sering diamalkan oleh masyarakat Melayu dahulu di mana mereka tidak memerlukan sebuah meja dan kerusi untuk makan bersama tetapi hanya makan di atas lantai bersama-sama.



Rajah 8 Hidangan dalam talam.
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.

Elemen makanan tradisional yang terdapat di perkampungan ini juga sedikit sebanyak membantu memperkenalkan dan menyebarkan luas warisan budaya masyarakat Melayu kepada masyarakat luar, di samping mengekalkan resipi warisan turun-temurun untuk diwarisi oleh generasi pelapis seterusnya.

Adat Resam

Adat resam merupakan amalan lama turun-temurun yang menjadi ikutan dalam masyarakat pelbagai kaum generasi terdahulu. Ateerah Abdul Razak dan Zuriati Mohd Rashid (2021) menyatakan bahawa adat merupakan peraturan yang wujud dan ditetapkan sejak turun-temurun sehingga menjadi satu peraturan dalam suatu masyarakat yang harus diikuti. Masyarakat di Pulau Misa Melayu, Bota Kiri, Perak ini masih mengekalkan beberapa adat resam dan menjadi amalan bagi masyarakat di kawasan tersebut. Adat resam yang masih diamalkan oleh Pulau Misa Melayu ini termasuklah adat perkahwinan.

Adat Perkahwinan

Antara adat resam unik yang masih dijalankan di Pulau Misa Melayu ialah adat perkahwinan. Adat istiadat majlis perkahwinan yang diadakan di Pulau Misa

Melayu ini sangat unik kerana mengikut adat istiadat Melayu klasik seperti pemakaian, makanan, dan sebagainya. Selain itu, majlis perkahwinan ini juga dimeriahkan dengan persembahan berbalas pantun, seni pencak silat, gendang Melayu, alunan kompang, tarian Melayu dan sebagainya. Pengantin yang diraikan kebiasaannya akan diarak bersama alunan kompang sehingga ke pelamin. Alunan kompang ini akan dipalu oleh Kumpulan Dendang Anak Perak bertujuan untuk menghidupkan suasana majlis perkahwinan dan memaklumkan tetamu yang hadir mengenai ketibaan pengantin. Seterusnya, pengantin akan menaiki kereta kuda semasa berarak seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 9. Kereta kuda merupakan kenderaan yang berguna pada zaman dahulu dan selalu digunakan oleh golongan diraja, bangsawan dan peniaga. Selain itu, pengantin juga akan berbusana songket dan diraikan dengan persembahan seni pencak silat Melayu. Penerusan adat perkahwinan tradisional ini membantu mengangkat martabat warisan budaya Melayu yang semakin hari dicampur aduk dengan budaya moden yang dibawa dari luar.



Rajah 9 Kereta kuda yang digunakan semasa adat perkahwinan.
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.

Prasarana Seni

Prasarana seni merupakan keseluruhan kemudahan atau perkhidmatan asas yang perlu bagi pembangunan (pertumbuhan) dan kemajuan ataupun infrastruktur. Terdapat beberapa buah prasarana seni di Pulau Misa Melayu bagi menjalankan aktiviti seharian atau persembahan kebudayaan.

Balairung Seri

Balairung Seri merupakan prasarana seni yang utama dan sering dilawati oleh masyarakat luar yang hadir di Pulau Misa Melayu. Balairung Seri ini terletak di tengah-tengah perkampungan tersebut. Rajah 10 menunjukkan terdapat ayat “Allah diagung, Agama dijunjung, Raja disanjung, Rakyat dipayung” di atas pintu masuk Balairung Seri sebagai simbolik masyarakat di perkampungan ini yang mementingkan nilai keagamaan dan kesetiaan kepada raja.

Balairung Seri yang terdapat di Pulau Misa Melayu ini merupakan prasarana seni yang penting kepada masyarakat di perkampungan tersebut. Hal ini demikian kerana hampir kesemua aktiviti kebudayaan dijalankan di Balairung Seri seperti persembahan kebudayaan Malam Melayu Sejati, bengkel, majlis keramaian, aktiviti harian dan sebagainya. Prasarana seni ini juga merupakan tempat masyarakat di Pulau Misa Melayu berkumpul. Balairung Seri ini diperbuat daripada kayu yang menunjukkan seni bina tradisional Melayu.



Rajah 10 Pintu masuk Balairung Seri
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.

Surau

Ahmad Munawar Ismail et al. (2012) menyatakan bahawa bangsa Melayu ialah bangsa yang amat rapat dengan Islam dan Islam yang menjadi ciri kekuatannya. Surau di Pulau Misa Melayu merupakan salah sebuah prasarana seni yang merupakan tempat beribadat bagi penduduk perkampungan ini yang kesemuanya beragama Islam dan sebagai tempat menjalankan kegiatan kerohanian, selain turut juga dijadikan sebagai tempat aktiviti kemasyarakatan berlangsung.

Surau Pulau Misa Melayu ini menyamai dengan reka bentuk masjid pertama di Kampung Chepor, Lenggong, Perak yang lebih dikenali Masjid Raja. Masjid tersebut masih kukuh dan kini telah menjadi bangunan warisan tarikan pelancong. Rajah 11 menunjukkan reka bentuk surau di Pulau Misa yang menyamai dengan masjid tersebut, yang dikelilingi dengan dinding kelarai tepas yang memberikan keunikan kepada surau tersebut.

Selain itu, surau ini juga menjadi tempat untuk menjalankan bengkel seperti bengkel tengkolok Melayu seperti dalam Rajah 12. Tengkolok Melayu merupakan sejenis alas kepala tradisional Melayu yang dipakai oleh golongan lelaki dan menjadi sebahagian daripada pakaian harian masyarakat terdahulu. Pemakaian tengkolok ini merupakan pakaian golongan diraja dan bangsawan serta dikategorikan sebagai pakaian tradisional. Pulau Misa Melayu menjalankan bengkel sebegini untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat setempat mengenai budaya Melayu.



Rajah 11 Surau Pulau Misa Melayu yang dikelilingi dengan dinding kelarai tepas.
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.



Rajah 12 Bengkel tengkolok Melayu di surau.
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.

Rumah Tradisional Perak

Rumah di perkampungan Pulau Misa Melayu ini hampir mengikut reka bentuk rumah tradisional Perak, iaitu rumah kutai. Rumah kutai merupakan sejenis rumah tradisional Melayu yang merupakan asli negeri Perak (Khairul Fikri Khairudin, 2019). Rajah 13 menunjukkan rumah tradisional Perak ini dijadikan sebagai prasarana seni kerana terdapat banyak koleksi barangan dan senjata lama dalam rumah pengasas perkampungan ini, iaitu Paduka Mahkota Yang Dipertuan.



Rajah 13 Koleksi senjata yang dipamerkan di rumah Paduka Mahkota Yang Dipertuan.
Sumber: Koleksi penyelidik sendiri.

Busana Tradisional

Pada logiknya masyarakat Melayu sudah mengamalkan tradisi berpakaian sejak pada zaman awal pembentukan tamadun mereka di seluruh Nusantara (Jabatan Warisan Negara, 2022). Namun, hari demi hari, sedikit sebanyak penerapan pakaian moden cara Barat diperkenalkan, dan seterusnya diterapkan dalam kalangan orang Melayu (Jabatan Warisan Negara, 2024).

Namun begitu, masyarakat di perkampungan Pulau Misa Melayu, Bota Kiri, Perak ini masih mengekalkan pemakaian busana tradisional seperti Baju Sikap Perak (Rajah 14) dan Baju Layang Perak (Rajah 15). Masyarakat perkampungan ini akan memakai pakaian lengkap semasa persembahan kebudayaan Malam Melayu Sejati, majlis keramaian dan sebagainya. Namun begitu, masyarakat di perkampungan ini juga akan memakai tanjak atau tengkolok, iaitu hiasan di kepala walaupun tiada sebarang persembahan atau majlis. Secara tidak langsung, pemakaian busana tradisional ini menggambarkan keunikan budaya Melayu zaman kesultanan Melayu dahulu, sekali gus mengangkat pemertabatan budaya Melayu turun-temurun.



Rajah 14 Baju Sikap Perak.
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.



Rajah 15 Baju layang Perak.
Sumber: Farul Hisham Abdul Halim.

Permainan Tradisional

Menurut Jabatan Warisan Negara (2024), permainan tradisi secara amnya terdiri daripada permainan anjung dan permainan laman. Permainan anjung termasuklah batu seremban, congkak, tutup botol, dam aji dan lain-lain. Manakala, permainan laman pula seperti galah panjang, kedingting, gasing, baling selipar, konda kondi, rebut negeri dan lain-lain. Kebanyakan permainan ini dimainkan secara berkumpulan dan mewujudkan interaksi sosial serta merapatkan hubungan di antara ahli masyarakat.

Namun begitu, pada masa kini permainan tradisional semakin dilupakan dan generasi pada masa kini lebih banyak menghabiskan waktu dengan bermain permainan dalam talian. Walau bagaimanapun, kanak-kanak dan juga orang dewasa di Perkampungan Misa Melayu sering didedahkan dengan permainan tradisional dan bermain secara bersama-sama, secara tidak langsung mewujudkan semangat perpaduan yang tinggi dan mewujudkan suasana yang harmoni dalam kalangan masyarakat. Antara permainan tradisional yang sering menjadi pilihan masyarakat di perkampungan ini termasuklah lari dalam guni, galah panjang, sepak raga dan sebagainya. Permainan tradisional ini juga kebanyakannya memberikan manfaat kepada individu dan masyarakat. Selain membina kemahiran sosial, permainan ini juga memberikan faedah kepada fizikal dan mental (Jabatan Warisan Negara, 2024). Permainan tradisional ini wajar dipertahankan dan wajar dikekalkan kerana permainan ini merupakan aset budaya bangsa dan dapat memupuk nilai-nilai murni kepada pemain seperti nilai kesabaran yang tinggi.

KESIMPULAN

Kajian mendapati bahawa elemen seni persembahan di Perkampungan Misa Melayu, Kampung Teluk Kepayang, Bota Kiri, Perak yang diterajui oleh kumpulan muzik Dendang Anak Perak merupakan elemen utama yang memainkan peranan penting dalam mengangkat budaya Melayu dalam kalangan masyarakat, selain lima elemen lain yang dikenal pasti melalui program Pemetaan Budaya Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), iaitu makanan tradisional, adat resam, prasarana seni, busana tradisional dan permainan tradisional. Natijahnya, Perkampungan Misa Melayu sememangnya berperanan besar dalam mengangkat martabat budaya Melayu di mata masyarakat. Pelbagai aktiviti yang dijalankan dapat menimbulkan kesedaran dan menjadi contoh teladan kepada masyarakat luar tentang kepentingan memelihara dan mengekalkan budaya Melayu di Malaysia. Oleh itu, kajian mengenai budaya Melayu perlulah diberikan tumpuan dan diperkasa untuk memberikan pendedahan secara meluas tentang budaya Melayu yang kian pupus ditelan zaman.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Nur Syaidatul Athirah Ibrahim: Penulisan makalah; Mohamad Rozi Kasim: Menyelia, menyemak dan membimbing pengarang dalam penulisan makalah.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Abdullah. (2024). Matematik di sebalik nama: Keunikan topografi Malaysia yang diukir oleh angka. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2024/05/14/13310/>
- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa & Siti Aishah Suhaimi. (2012). Islam dan pembentukan jati diri bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 143–154. https://journalarticle.ukm.my/6103/1/JD005862_143-154.pdf
- Ateerah Abdul Razak, Nur Azuki Yusuff & Zaleha Embong. (2021). *Penghayatan etika & peradaban*. Penerbit UKM.
- Barthes, R. (2013). Toward a psychosociology of contemporary food consumption. In P. V. Carole Counihan, *Food and culture (third ddition)*. pp. 28–35. Routledge.
- Bernama. (2018). *Pulau Misa Melayu di Bota wajar jadi pusat kebudayaan*. Bernama. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pulau-misa-Melayu-di-bota-wajar-jadi-pusat-kebudayaan-182797?>

- Fairuzah Basri, Manaf, Farahdina Abdul Manaf, & Mujaini B. Tarimin. (2019). [Seminar]. *Cabaran dan pemantapan budaya Melayu dalam penerusan tamadun Melayu*. Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastra Dan Budaya Melayu Kedua, Universiti Goethe, Frankfurt, Jerman.
- Farah Nazihah Zinurin. (2023). Penghayatan masyarakat Johor terhadap tarian tradisional Melayu Zapin [Tesis]. Universiti Malaysia Kelantan. <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/12958/1/FARAH%20NAZIHAH%20BINTI%20ZINURIN.pdf>
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2023). *Pemetaan budaya*. Portal rasmi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/>
- Jabatan Warisan Negara. (2022). Pengenalan busana Melayu tradisional. *Garis panduan dan tatacara perlindungan | Busana Melayu tradisional*. Jabatan Warisan Negara.
- Jabatan Warisan Negara. (2024). *Permainan tradisi*. Portal rasmi Jabatan Warisan Negara. <https://www.heritage.gov.my/my/pengenalan-cawangan-adat-budaya/permainan-tradisi.html>
- Khairul Fikri Khairudin, Nurul Hamiruddin Salleh & Srazali Aripin. (2019). A review of the construction techniques of Rumah Kutai, *Perak: Asian Journal of Environment-Behaviour Studies (ajE-Bs)*, 4(12), 1–15.
- Mohd Azam Sulong, Zaharul Lailiddin Saidon & Nor Shuradi Nor Hashim. (2013). Muzik tradisi tari rakyat Perak: Suatu pendekatan etnomuzikologi. *Malaysian Journal of Music*, 2(1), 72–105
- Mohd Rosli Saludin. (2015). Kepelbagaian dan keunikan adat Negeri Sembilan memperkuat bangsa. *Jurnal Peradaban Melayu*, 10, 1–15.
- Norsuhaila Ibrahim. (2021). Kepelbagaian dialek Perak yang menarik. *Dewan Bahasa*. <https://dewanbahasa.jendeladbp.my/2021/05/01/520/>
- Nur Habibah, C. H., & Rahim Aman. (2020). Varian hulu Perak Utara: Fenomena di Gerik dan Pengkalan Hulu. *Jurnal Melayu*. 19(2), 216–243.
- Nur Qhairun Nabiha Hussin & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2022). Pengekalan budaya Melayu dalam masyarakat Melayu Kampung Padang Balang, Gombak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(3), 1–11.
- Ruhaizan Sulaiman @ Abd Rahim & Ilham Nazahiah M.Salleh. (2010). Pemuliharaan makanan tradisional masyarakat Bugis di kalangan generasi muda di daerah Pontian, Johor.
- Siti Aisah & Mawi Khusni Albar. (2020). Budaya Melayu Pattani dalam kajian profetik. *IBDA: Jurnal Kajian Islam dan Budaya*, 18(1), 1–14.
- Shahrim Karim (2019). Sajian tradisi kian dilupakan. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/06/462677/sajian-tradisi-kian-dilupakan>